

22/03/2004

Bukti rakyat terima pendekatan BN

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kemenangan besar Barisan Nasional (BN) melebihi majoriti dua pertiga di Parlimen sebagai penerimaan rakyat kepada pendekatan kerajaan dalam pelbagai langkah ke arah menjadikan Malaysia negara cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada rakyat dan rasa syukur, Perdana Menteri berkata kemenangan besar itu juga akan memantapkan lagi kerajaan BN untuk terus memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

"Kemenangan besar ini sangat bererti kepada kita (BN). Ini berupa penerimaan sokongan rakyat kepada parti kita, parti BN. Tentu sekali majoriti rakyat mengakui dan menerima kekuatan serta keupayaan BN untuk memikul mandat yang diberikan itu untuk terus memajukan negara dalam keadaan aman dan sejahtera.

"Kerajaan BN yang akan ditubuhkan nanti, sudah pasti akan membawa negara mencapai ke arah matlamat gemilang, cemerlang dan terbilang," katanya dalam ucapan selama kira-kira 15 minit pada sambutan kemenangan BN di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini awal pagi ini.

Amanat itu disampaikan Abdullah yang juga Pengerusi BN setelah gabungan 14 parti komponen itu mencatat majoriti dua pertiga apabila menang kerusi ke-146 pada jam 1.46 pagi, daripada jumlah 219 kerusi Parlimen.

Abdullah yang diiringi isterinya, Datin Seri Endon Mahmood; timbalannya Datuk Seri Najib Razak serta Datin Rosmah Mansor dan Setiausaha Agung BN, Tan Sri Khalil Yaakob serta isteri Puan Sri Zurina Kassim memasuki ruang dewan itu pada jam 1.39 pagi, dengan menerima tepukan gemuruh daripada kira-kira 1,000 penyokong dan wakil media massa.

Pada ketika itu, BN sudah mencapai kemenangan 143 kerusi dan sewaktu menunggu detik kejayaan untuk kerusi ke-146, 'count down' dibuat dan tepat jam 1.46 pagi, dewan gemuruh dengan tepukan apabila majoriti dua pertiga itu dicatatkan.

Acara itu yang turut disiarkan secara langsung menerusi televisyen, kemudian diikuti oleh nyanyian lagu Barisan Nasional beramai-ramai sebelum doa dibacakan.

Sebaik memulakan ucapan, Abdullah melaungkan "Hidup Barisan" sebanyak tiga kali, sambil diikuti beramai-ramai oleh hadirin termasuk beberapa pemimpin parti komponen.

"Alhamdulillah, saya bersyukur kerana BN dirahmati dengan kemenangan besar dalam pilihan raya ini. Kita sudah pun melebihi dua pertiga dan mungkin bilangan itu akan bertambah lagi," katanya memulakan ucapan dengan penuh bersemangat.

Beliau berkata, kemenangan itu juga sebagai bukti betapa pengalaman BN yang berjaya membawa pembangunan selama ini diterima baik oleh rakyat.

"Ini terbukti dengan keupayaan dicapai kerajaan BN di bawah pemimpin yang sudah pergi dan baru bersara seperti Tun Dr Mahathir Mohamad. Dr Mahathir berjaya dalam perancangan peralihan kuasa yang berjalan dengan baik.

"Sejak menjadi Perdana Menteri, saya berusaha dengan kerjasama pemimpin BN yang lain seperti memerangi rasuah, memperbaiki sistem penyampaian kerajaan, mengurus ekonomi dengan berhemat dan membawa pembaharuan dalam semua bidang," katanya.

Abdullah berkata, kemenangan besar itu juga adakah bukti rakyat menerima serta menyokong rancangan BN termasuk manifesto yang bertemakan Gemilang,

Cemerlang dan Terbilang.

Katanya, manifesto itu mempunyai cita-cita untuk membawa masa depan yang lebih gemilang kepada Malaysia.

Beliau berkata, generasi muda buat kali pertama juga tampil memberi sokongan kepada BN kerana mereka tahu bahawa masa depan negara bergantung kepada tenaga mereka.